



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SESI 2020/2021 SEMESTER 1

KOD KURSUS

UHS1022 – FALSAFAH DAN ISU SEMASA

TAJUK TUGASAN ULASAN ISU SEMASA

ISU LGBT DAN DESAKAN DARI PIHAK LUAR TERHADAP MALAYSIA

KUMPULAN 7

SEKSYEN 78

NAMA PENSYARAH

DR. NURAZMALLAIL BIN MARNI

NO	NAMA PELAJAR	NO. MATRIK
1.	NAZIHAH BINTI SURATI	A20EC5016
2.	SOH ZEN REN	A20EC0152
3.	LIM LI TING	A20EC5008
4.	TIE SING HAO	A20EC0168
5.	MUHAMMAD MUIZZUDDIN BIN KAMARUZAMAN	A20EC0214
6.	SOH JUN WEI	A20EC0151

ABSTRAK

Malaysia merupakan antara negara yang mana permasalahan gejala sosial merupakan antara isu utama. Semakin banyak negara-negara yang mula mengetengahkan isu ini. Di peringkat antarabangsa misalnya, ada negara yang mula melihat ini sebagai satu jenayah jika diamalkan secara terbuka. Di Malaysia, undang-undang dan penguatkuasaan terhadap gejala LGBT ini dilihat kabur walaupun pada dasarnya telah diwartakan perbuatan tersebut sebagai suatu kesalahan secara umum. Pelbagai kaedah seperti seminar, ceramah, program-program berbentuk kesedaran dan lain-lain di adakan oleh banyak pihak bagi menangani isu ini. Akan tetapi pendekatan ini dilihat tidak memberi impak, sebaliknya golongan LGBT dan pihak-pihak yang pro LGBT di lihat bertambah agresif dan berani terbuka mempertahankan budaya LGBT sebagai suatu kebebasan. Bagi menangani permasalahan LGBT ini lebih serius dan mengesyorkan langkah-langkah proaktif bagi mengatasi gejala ini, maka satu penulisan dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan, dan kes-kes dirujuk bagi mendapatkan data yang bersesuaian. Di harap kajian dan rujukan dari penulisan ini akan mengesyorkan langkah-langkah yang sesuai bagi menangani masalah gejala LGBT ini dari perspektif pendekatan undang-undang dan penguatkuasaannya.

PENDAHULUAN

Sebagai manusia kita kena kembali kepada asal kejadian. Dalam isu LGBT ini, manusia dilihat cuba untuk mengubah fitrah semulajadi mereka. Perkara negatif ini tidak dapat diterima dalam kalangan masyarakat di Malaysia dan perlu ditangani segera. Setiap lelaki dan wanita perlu mempunyai batas sempadan yang telah ditetapkan agama.

Terdahulu, di dalam perhimpunan sempena menyambut Hari Wanita Antarabangsa yang telah di adakan di Dataran Merdeka, himpunan itu telah turut di sertai oleh golongan LGBT dengan membawa bendera dengan simbol kumpulan itu. Mereka mengambil kesempatan berhimpun secara haram dan berarak di ibu kota serta menuntut supaya di hapuskan diskriminasi jantina, menghentikan keganasan terhadap wanita dan kesaksamaan gender.

Amalan ini dilakukan secara semakin terbuka oleh masyarakat timur. Ini didorong oleh tuntutan melalui Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan Malaysia (COMANGO) yang mendukung fahaman liberalisme dan sekularisme yang telah lama berkumandang sejak 2013. Mereka mengemukakan tuntutan melalui Semakan Berkala Sejagat Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) agar Kerajaan Malaysia mengiktiraf orientasi seksual dan identiti jantina (SOGI).

Pengiktirafan hak LGBT menimbulkan konflik baharu yang bukan sahaja menambahkan kecelaruan nilai dan pegangan, bahkan menimbulkan pertembungan hak dan kebebasan. Usaha menghalalkan cara ini di sifatkan semakin melampau dan mencabar undang-undang agama dan negara. Jika tindakan tidak di ambil, inilah yang akan terjadi. Bukannya mereka sedar sebaliknya mahu kita tunduk dan menghalalkan aktiviti.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendedahkan anggota masyarakat LGBT di negara ini semakin meningkat sejak beberapa tahun lalu. Statistik ini di rekodkan dari pelbagai

sumber dengan hasilnya mempamerkan trend membimbangkan. Kerajaan perlu mengambil tanggungjawab untuk membantu golongan LGBT yang terpesong untuk kembali ke fitrah asal mereka.

FALSAFAH ISU SEMASA DAN KAITAN DENGAN RUKUN NEGARA

Perkataan "LGBT" ini adalah produk hasil daripada prinsip kesamarataan individu dan hak asasi manusia yang berpandangan bahawa setiap individu seharusnya mendapat layanan yang sama rata tanpa didiskriminasi mengikut cara kehidupan dan kepercayaan mereka. Perkataan ini menjadi semakin tersebar di Malaysia kerana disokong lagi dengan prinsip-prinsip kebebasan berfikir dan bersuara terutamanya di sosial media secara tidak terkawal. Kesemuaan ini dapat dikaitkan dengan satu aliran falsafah iaitu Liberalisme.

Liberalisme juga dapat didefinisikan sebagai aliran falsafah yang mementingkan kebebasan individu sebagai nilai politik yang tertinggi (Ahmad Munawar Ismail 2019). Menurut falsafah ini, kepentingan hak-hak peribadi serta kesamarataan peluang bagi setiap individu ditekankan sebagaimana yang ditunjukkan oleh golongan LGBT tersebut yang menuntut pengiktirafan mereka dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, falsafah Liberalisme ini tidak sesuai untuk diamalkan secara sepenuhnya dalam Malaysia kerana ia menolak sebarang tanggapan asas dalam pembentukan kerajaan iaitu hak-hak raja yang diberikan oleh tuhan, status yang berasaskan keturunan dan institusi-institusi agama. Secara langsungnya, falsafah liberalisme ini telah berkonflik dengan sistem raja berperlembagaan negara kita yang mengiktiraf Raja sebagai ketua negara Malaysia.

Isu pengiktirafan golongan LGBT akan menimbulkan beberapa persoalan kerana bertentangan dengan prinsip-prinsip Rukun Negara. Menurut prinsip Kedaulatan Undang-undang, terdapatnya aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh golongan LGBT ini secara langsungnya melanggar undang-undang syariah kerana sebarang perbuatan LGBT sama sekali diharamkan. Menurut Mohamad Afandi Md Ismail dan Mohd Sabree Nasri (2019), terdapat juga pertembungan antara undang-undang tempatan dengan keputusan undang-undang antarabangsa yang telah diratifikasi oleh Malaysia. Oleh itu, norma Malaysia pada masa kini masih belum untuk bersedia menerima dan mengiktiraf golongan LGBT jika berdasarkan prinsip-prinsip Rukun Negara yang telah ditetapkan sejak lama.

Pemimpin-pemimpin Malaysia bersama masyarakat memegang peranan penting untuk mempertahankan dan memuliakan kesucian Islam dalam negara ini. Walau bagaimanapun, isu pengiktirafan golongan LGBT yang dicadangkan oleh golongan liberal bermampu untuk mengganggu kesucian agama Islam dalam negara kita kerana gejala LGBT secara langsungnya melanggar dan mencabar dengan ajaran dalam Al-Quran. Dari pandangan para liberal pula, setiap individu menikmati hak kesamarataan dan sepatutnya dilayan dan diiktiraf oleh masyarakat tanpa didiskriminasi mengikut ciri-ciri individu. Oleh yang demikian, isu LGBT telahpun menyebabkan banyak perbincangan dan perbahasan sama ada di forum-forum sosial media ataupun secara formal di Malaysia antara golongan yang berbeza-beza pandangannya. Dalam ulasan ini, punca-punca kemunculan cabaran ini di kalangan masyarakat Malaysia serta kesan-kesan dan cadangan penyelesaiannya akan dibincangkan secara terperinci dalam bahagian seterusnya.

ISU LGBT DI MALAYSIA

Gejala Lesbian, Gay, Biseksual & Transgender (LGBT) semakin hari semakin menjadi isu hangat yang mendorong wujudnya tingkah laku songsang dalam kalangan masyarakat terutamanya dalam kalangan generasi muda di Malaysia tetapi hasil kajian menyebutkan bahawa berita-berita yang menyentuh tentang isu LGBT ini di Malaysia tidak diberikan perhatian secara serius oleh pihak media. Budaya LGBT sememangnya menyeleweng daripada norma masyarakat di Malaysia kerana ia melibatkan isu berkaitan agama dan budaya di negara ini. Kewujudan fenomena ini menyebabkan kontroversi apabila budaya tersebut sesungguhnya menyimpang daripada ajaran agama Islam yang sebenar di mana Malaysia merupakan salah sebuah negara yang berpegang kepada ajaran Islam sebagai agama rasmi (Suhaya, 2013: 113).

Kajian ke atas kelompok golongan LGBT mendapati 65% daripada transgender menjadikan aktiviti pelacuran sebagai salah satu mata pencarian. 25% daripada mereka terlibat dengan kelab malam dan lain-lain manakala sekitar 10% sahaja yang tidak melibatkan diri dengan aktiviti seumpamanya (sektor perniagaan dan lain-lain). Kita dapat melihat bahawa semua aktiviti yang mereka terlibat ini adalah tidak berfaedah dan telah melanggar ajaran agama.

Selain itu, LGBT juga dilaporkan semakin mendapat tempat dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Perbuatan seks luar tabi'e dan songsang adalah antara gejala serius yang semakin berleluasa dalam kalangan pelajar universiti. Bagi menyelesaikan gejala yang membimbangkan ini, terdapat penganjuran program-program yang mencegah LGBT cuba dirancang di universiti-universiti di Malaysia terutamanya Universiti swasta (Ali, 2018: 3).

Azhari & Aimy (2011) turut melaporkan terdapat Himpunan Seksualiti Merdeka pada 1 hingga 13 November 2011 yang melibatkan kira-kira 20 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu. JAKIM (2019) turut melaporkan bahawa kini golongan ini sering kelihatan berkempen secara terbuka dengan menganjurkan pelbagai himpunan, persidangan dan program seperti persidangan Promosi LGBT, yang bakal berlangsung di Malaysia, pada 3-4 Oktober 2019. Namun penganjurannya telah dibatalkan akibat berlaku bantahan awal. Pertubuhan dan kumpulan yang menjalankan gerakan LGBT ini merupakan gerakan diskriminasi bentuk baru yang bernaung di atas nama hak asasi manusia. Gerakan ini telah memanipulasi Hak Asasi Manusia (HAM) untuk mempertahankan dan membenarkan perbuatan mereka. Tindakan gerakan ini secara umumnya telah menghina kesucian agama Islam sebagai agama rasmi di Malaysia dan perundangan Malaysia, malah secara tidak langsung telah menggugat ketenteraman awam dan keamanan beragama dalam negara ini (Norehan, 2012: 176).

Di samping itu, isu ini muncul kesan daripada pelbagai tuntutan yang dibuat oleh golongan LGBT ini, ekoran daripada perkembangan mereka setelah diberikan pendedahan tentang hak-hak mereka seperti mana yang diperlakukan di luar negara (Mahfuzah, 2015: 29). Akibatnya adalah berkembangnya organisasi dan kumpulan-kumpulan aktivis yang bersifat pro LGBT ini, maka wujudlah beberapa isu yang dilihat mengancam nilai agama, akhlak, prinsip dan

perundangan di Malaysia terutamanya melibatkan undang-undang syariah. Perlakuan LGBT bersifat kontra atau bertentangan dengan hukum syarak yang memperlihatkan agama Islam merupakan agama rasmi persekutuan.

Konkusinya, gejala LGBT yang merupakan keruntuhan akhlak dan budaya songsang dalam kalangan umat Islam ini berada pada tahap yang amat membimbangkan dan juga membelenggu kehidupan umat Islam dan rakyat Malaysia. Usaha-usaha bagi menanganinya perlu dilaksanakan secara lebih berkesan dan menyeluruh.

PUNCA

Golongan LGBT semakin berleluasa di negara kita khususnya dalam kalangan remaja. Fakta ini dapat disokong dengan data yang didapati daripada JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) yang menganggarkan jumlah golongan LGBT akan meningkat sehingga lebih 300,000 pada tahun 2018.

Menurut hasil kajian, kesan pengalaman mengalami gangguan seksual juga merupakan salah satu faktor yang mendorong seseorang itu untuk melibatkan diri dalam golongan LGBT. Biasanya, kejadian ini berlaku semasa bangku persekolahan dan inilah menjadikan titik permulaan kepada penglibatan dalam LGBT. Contohnya, terdapat kes-kes yang melibatkan pelajar asrama kerana pelajar-pelajar asrama terpaksa hidup bersama dengan jantina yang sama. Oleh itu, sekiranya kejadian ini berlaku kepada seseorang, dia akan mendapati pengalaman seksual yang tidak sesuai dan senonoh maka ia akan menjadi penyebab yang kuat kepada tingkah laku homoseksual seseorang itu sehingga dewasa. Fakta ini dapat disokong dengan laporan yang dikeluarkan di Berita Harian yang mengenai dengan ucapan Dr Mohd Izwan Md Yusof, “Dalam beberapa kes, mereka (kanak-kanak dan remaja lelaki) diliwat pelajar senior ketika berada di sekolah berasrama, sekali gus mengakibatkan wujudnya faktor ketagihan kepada seks sejenis dan bertukar menjadi seorang gay.” Ketagihan kepada tingkah laku tersebut akan mengembangkan kognitif yang bercelaru sehingga seseorang itu lebih cenderung kepada golongan LGBT.

Selain itu, kurang kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa merupakan faktor yang terpenting menjurus kepada penglibatan seseorang itu kepada golongan LGBT mahupun gejala sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila mereka yang mempunyai hubungan yang renggang dengan ibu bapa maka mereka tidak dapat merasakan kasih sayang daripada ibu bapa. Lantaran itu, mereka tidak dapat meluahkan kata-kata hati dan berkongsi masalah dengan ibu bapa mereka yang dianggap sebagai orang yang paling dekat dengan mereka. Tidak dapat dinafikan lagi mereka akan mencari perhatian dan kasih sayang dari hubungan sejenis ekoran daripada jantina yang sama lebih mudah untuk memahami masalah yang dihadapi dan juga dapat berkongsi pengalaman yang menarik bersama. Kejadian ini dapat disokong dengan kajian Arieff dan Wardah (2006) yang mendapati bahawa kesibukan ibubapa dalam pekerjaan akan menyebabkan banyak masa mereka luangkan dengan rakan sehati mereka. Ekoran daripada itu, mereka berkemungkinan akan dipengaruhi oleh rakan sebaya yang terlibat dalam golongan LGBT. Tidak mustahil lagi seseorang itu akan mudah terjurus dalam golongan LGBT tersebut.

Di samping itu, faktor kesunyian merupakan faktor yang mudah menjuruskan seseorang dalam penglibatan tingkah laku LGBT. Kesunyian ini berlaku apabila seseorang yang tidak mempunyai teman wanita, dan bertinggalan sendirian. Dengan ini, seseorang itu akan sentiasa melibatkan diri dalam aktiviti laman sosial maka terjebak dalam kumpulan gay atas talian dan seterusnya memuat turun aplikasi yang berkaitan untuk memenuhi keperluan komunikasi. Dengan ini, seseorang itu akan mempunyai pengarah kefahaman yang kuat bahawa tingkah laku gay merupakan perbuatan norma dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana setelah bertemu dengan pasangan sejenis yang didapati melalui laman sesawang, seseorang itu dapat berubah kehidupannya yang tidak lagi mempunyai perasaan sunyi. Sejurusnya, pelbagai pertemuan juga akan berlaku antara pasangan tersebut dan seseorang itu akan mempunyai perasaan cinta yang kuat terhadap pasangannya.

Tambahan lagi, kekurangan ilmu agama dan akhlak islamiyah merupakan faktor kepada kebanyakan remaja kini menyokong dan terlibat dalam LGBT. Apabila seseorang itu mempunyai ilmu agama yang berkurangan dan hubungannya dengan Tuhan regang, seseorang itu mudah terjebak dalam aktiviti yang bertentangan dengan agamanya khususnya agama Islam. Seseorang itu tidak dapat berfikir secara rasional apabila menghadapi dengan masalah-masalah sendirian maka melibatkan diri dalam tingkah laku LGBT tanpa kesedaran. Faktor ini boleh disokong dengan sepatah kata oleh pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim semasa menghadiri Seminar Keibubapaan Mengenai LGBT, “Golongan yang terlibat dengan LGBT tidak dapat membezakan antara perkara yang baik mahupun perkara yang buruk. Hal ini menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan rakan dan faktor sekeliling yang mendedahkan kepada golongan LGBT”. Oleh itu, kekurangan pegangan terhadap agama mudah menyebabkan mereka terbatasi daripada batas norma kehidupan manusia.

Kesimpulannya, pihak-pihak berkuasa haruslah mengambil perhatian terhadap perkara ini dan memperbaiki golongan LGBT dengan melakukan dan merancang pelbagai langkah yang pragmatik bagi mengembalikan golongan tersebut kepada kehidupan norma kerana mereka juga merupakan manusia yang dikurnia nyawa oleh TUHAN.

KESAN LGBT KEPADA INDIVIDU, KELUARGA, MASYARAKAT DAN NEGARA

Isu LGBT merupakan masalah yang semakin membimbangkan kepada setiap golongan masyarakat Malaysia, antaranya ialah golongan rakyat dan kerajaan. Hal ini kerana masalah LGBT boleh membawa banyak impak yang berterusan kepada individu, keluarga, masyarakat dan negara.

Antaranya ialah kesan LGBT terhadap seseorang individu. Seseorang individu yang terlibat dalam gejala LGBT boleh menjejaskan nama baik mereka. Mereka akan di ejekan, di sindir dan dikata-katakan perkataan kesat daripada masyarakat sekeliling. Golongan LGBT juga akan

sering dibuli dan dipandang rendah oleh rakan-rakan sebaya. Selain itu, golongan LGBT juga mudah dipinggir oleh masyarakat kerana kelainan seksuality.

Seterusnya ialah kesan-kesan LGBT terhadap sesebuah keluarga. Hal ini boleh dilihat kerana maruah ibu bapa akan terjejas jika anak mereka merupakan seorang golongan LGBT. Ibu bapa tersebut akan dituduh tidak mengambil berat terhadap perkembangan mental anak-anak mereka. Di samping itu, nama baik keluarga golongan LGBT akan terjejas. Ahli-ahli keluarga golongan LGBT akan di cemuah dan disalah paham oleh masyarakat.

Disamping itu ialah kesan-kesan LGBT kepada masyarakat Malaysia. Gejala LGBT boleh menyebabkan penyebaran pelbagai penyakit yang berjangkit seperti HIV dan AIDS. Maruah masyarakat yang menjaga adat susila dan pegangan agama juga akan terjejas. Hal ini kerana, masyarakat-masyarakat lain akan menyalah paham terhadap budaya masyarakat Malaysia.

Akhir sekali ialah kesan-kesan LGBT kepada negara Malaysia. Antaranya ialah generasi muda Malaysia akan mudah terlibat dengan tingkah laku yang berisiko. Golongan muda LGBT juga lebih mudah mempunyai masalah kesihatan mental jika dibanding dengan remaja biasa. Selain itu ialah penyalahgunaan undang-undang hak sama rata. Golongan LGBT boleh mengambil hak sama rata sebagai alasan untuk melakukan gejala-gejala LGBT.

CADANGAN MENANGANI MASALAH

Dalam usaha menangani isu LGBT ini,terdapat keperluan yang mendesak agar diwujudkan garis panduan penguatkuasaan dan pendakwaan yang standard dan mudah diikuti agar segenap langkah dan tindakan penguatkuasaan dan juga pendakwaan dilihat sebagai standard dan tidak kucar-kacir.Perlu dinyatakan bahawa telah ada akta dan enakmen tatacara jenayah syariah yang mempunyai peruntukan berkaitan menangani aduan,siasatan,tangkapan,geledah sehinggalah kepada tatacara pendakwaan dan perbicaraan,namun ia dalam bentuk dan bahasa undang-undang yang teknikal dan panjang.Justeru untukk memudahkan operasi dan pemahaman tatacara dan prosedur,satu *standard operating procedure* (SOP) memang diperlukan bagi menghalusi lagi langkah-langkah penguatkuasaan dan pendakwaan.Sebagaimana,yang sedia dimaklumi,tindakan penguatkuasaan adalah berasaskan aduan dan juga operasi.Untuk proses siasatan misalnya , bagaimana sesuatu siasatan yang memuaskan perlu dan patut dilakukan.Pegawai yang belum atau tidak terlatih sudah pasti akan berhadapan dengan jalan buntu jika dibiarkan tanpa panduan dan tunjuk ajar.

Sementalahan itu, kesemua peruntukan yang menyentuh tentang kesalahan yang dilakukan oleh golongan LGBT samada yang terdapat dalam Kanun Keseksaan atau yang terdapat dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri perlu diteliti semula untuk

tujuan penambahbaikan dan seterusnya dikuatkuasakan secara maksima (Mohd Sabree, 2018). Siti Zubaidah turut menjelaskan bahawa, keseksaan ataupun hukuman melalui mekanisme perundangan wajar dilihat sebagai satu kaedah pencegahan daripada melakukan sesuatu kesalahan dan pembalasan selepas melakukannya. Oleh itu, objektif utama undang-undang digubal dan dikuatkuasakan adalah untuk mengelak pesalah laku daripada melakukan kesalahan berulang. Selain itu, undang-undang juga bertujuan menjaga peraturan dan ketertiban dalam masyarakat. Hal ini berkait paut, dengan ketegasan undang-undang gejala LGBT dapat ditindas dengan langsung jayanya.

Dalam pada itu, tindakan menuelut segala kegiatan dan aktiviti yang mempunyai unsur-unsur LGBT atau mempromosikan LGBY perlu dilaksanakan secara menyeluruh. Berdasarkan seksyen 15(2)(f), sekiranya program berkaitan dengan aktiviti ataupun bertujuan mempromosikan LGBT, maka pegawai tersebut diberikan kuasa untuk membuat sekatan dengan tidak membenarkan apa jua perlakuan peserta mahupun kandungan program atas faktor sensitiviti budaya dan agama. Segala maklumat berkenaan himpunan termasuk penganjur, penceramah dan objektif perhimpunan diadakan wajib dideklarasikan di dalam Borang Pemberitahuan Di Bawah Seksyen 9(1), Jadual Keempat, Akta Perhimpunan Aman 2012. Dari sudut yang lain, sekiranya sesuatu program LGBT dianjurkan di premis-premis persendirian selain di tempat-tempat awam, maka Akta Perhimpunan Aman 2012 tidak lagi terpakai. Namun, sekiranya program tersebut melibatkan orang Islam serta terdapat unsur-unsur yang tidak bermoral dan menyalahi perundangan syariah seperti pertandingan ratu cantik maknyah dan sebagainya, pihak berkuasa agama dengan kerjasama polis dan pihak berkuasa tempatan boleh melakukan serbuan dan tangkapan untuk pendakwaan di mahkamah syariah berdasarkan peruntukan seksyen 29 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Seksyen 35 akta yang sama juga terpakai ke atas mana-mana individu yang menganjurkan, mendorong atau menggalakkan orang lain untuk melakukan maksiat. Sekiranya disabitkan bersalah, pelaku boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Berikut merupakan salah satu cadangan yang efektif untuk menangani gejala LGBT yang meluas di negara kita.

Badan legislatif negara perlu mengemukakan suatu peruntukan baru yang bersifat khusus menyentuh tentang kesalahan-kesalahan dalam undang-undang sedia ada dan peruntukan yang ada bersifat samar dan sukar untuk dijadikan sandaran oleh pihak mahkamah dalam menjatuhkan hukuman. Kita tahu betapa susahnyanya untuk menangani isu LGBT ini disebabkan kedegilan individu tersebut. Hal ini kerana terdapat banyak kelompongan yang terdapat dalam undang-undang sedia ada dan peruntukan yang ada bersifat samar dan sukar untuk dijadikan sandaran oleh pihak mahkamah dalam menjatuhkan hukuman. Hakim Abdul Wahab Patail dalam penghakimannya bagi kes Kristie Chan lwn Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (2013) telah menyatakan kebimbangannya terhadap situasi ketiadaan peruntukan yang jelas untuk memutuskan isu permohonan pertukaran jantina. Yang mana, pihak mahkamah terpaksa

menjatuhkan hukuman dengan hanya bergantung kepada penyelesaian sementara secara mudah melalui mahkamah. Beliau membangkitkan keperluan kepada pihak kerajaan atau parlimen yang seharusnya memikirkan solusi yang lebih konkrit melalui peruntukan yang lebih jelas bagi menangani masalah ini. Justeru, Parlimen diperingkat persekutuan dan dewan undangan negeri diperingkat negeri hendaklah lebih progresif tetapi inklusif dalam merangka, membahas dan meluluskan peruntukan undang-undang yang lebih spesifik tetapi bersifat tegas demi membendung gejala LGBT atau dalam erti kata yang lebih tepat “Menjenayahkan LGBT”. Perlu disedari dan diakui bahawa kebebasan mutlak yang tiada pedoman tanpa disulami dengan ajaran agama akan mengancam kemaslahatan umum serta berpotensi menghancurkan sistem sosial dan nilai-nilai dalam masyarakat yang didokong oleh prinsip serta nilai-nilai agama, budaya dan etika. Pelbagai usaha bagi menangani gejala LGBT ini berkembang pesat dalam negara kita oleh kerajaan. Jelaslah bahawa pihak berkuasa telah menjalankan tugas mereka dengan sehabis baik tapi golongan LGBT ini tetap tidak mahu berubah dan berharap golongan ini pupus dengan serta merta.

KESIMPULAN

LGBT adalah kumpulan manusia yang wujud di seluruh dunia. Kumpulan ini dianggap kumpulan minoriti yang mana bukan sekadar hidup dengan cara yang salah malahan turut memperjuangkan cara hidup tersebut supaya diterima oleh masyarakat secara global. Dalam perspektif Islam, gerakan dan perjuangan LGBT dianggap sebagai perjuangan yang menyalahi dasar dan prinsip agama. Walaupun begitu, dalam konteks kehidupan masyarakat majoriti Islam di Malaysia, perjuangan LGBT masih giat dijalankan oleh kelompok ini secara zahir ataupun terselindung. Oleh yang demikian, kegiatan dakwah harus diperkasakan dan diperluaskan agar tidak berlaku keciciran madu‘u terutamanya kumpulan minoriti seperti kumpulan LGBT. Selain itu, peruntukan undang-undang sedia ada perlu diperkemas dengan kadar yang segera bagi memastikan setiap permasalahan baru yang muncul dalam negara dapat diatasi secepat yang mungkin.

Gejala LGBT ini sememangnya suatu yang sukar untuk dibendung jika pihak-pihak berwajib gagal untuk bertindak pantas dalam memberikan respon terhadap tingkah laku LGBT. Walaupun terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak-pihak yang diberikan tanggungjawab untuk menangani isu LGBT ini, namun segala cabaran itu perlu ditempuh dengan bijaksana agar kegiatan LGBT ini dapat dikekang sehabisnya. Usaha-usaha yang dicadangkan diharap dapat membantu menyelesaikan gejala LGBT ini dan akhirnya memastikan kehidupan sosial masyarakat sentiasa berada dalam keadaan yang sepatutnya. Sebuah negara yang maju tidak hanya berkisar tentang kemajuan infrastruktur dan prasarana sahaja, malah yang lebih penting ialah menyentuh tentang sikap, peradaban dan kehidupan sosial masyarakat yang menepati lunas kehidupan manusia sejagat.

BAHAN RUJUKAN

1. Noremy M.A, Fadzilah Abdullah. , Mohammad R. K. (2019) *FAKTOR PENGARUHI MAHASISWA TERLIBAT DALAM LGBT DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM DI LEMBAH KLANG* . International Journal of Academic Research eISSN: 2600-9463.
2. MUHAMMAD AMINNURALIFF (11 Mac 2019) *Kurang penghayatan agama antara punca LGBT: JAIS* .
3. Shafika (30 Oktober 2018) *Media Sosial Dan Sekolah Asrama Punca Jumlah Golongan LGBT Meningkat*
4. Mohamad Afandi Md Ismail, M. S. (2019). *GEJALA LGBT DI MALAYSIA: ISU DAN CADANGAN PENYELESAIAN*,
5. Mohamad Afandi Md Ismail, M. S. (2020). *ISU LGBT DI MALAYSIA : SATU TINJAUAN TERHADAP ASPEK KAJIAN*,
6. NEGERI, J. M. (2019). ISU LESBIAN, GAY, BISEKSUAL & TRANSGENDER (LGBT). *IRSYAD AL-HUKMI Edisi 1*, 4.
7. Ismail, Mohamad & Fakulti, Ismail & Antarabangsa, Hubungan & Nasri, Mohd & Fakulti, Nasri. (2019). *GEJALA LGBT DI MALAYSIA: ISU DAN CADANGAN PENYELESAIAN*. 2. 51-65.
8. Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Sapa. 2019. "Liberalisme dan Pemikiran Pemimpin Muslim di Malaysia." *Islamiyyat* 41(2) 39-49.
9. Kesan LGBT dalam masyarakat (Sabtu, 20 Februari 2016)
10. Gejala LGBT di Malaysia: Isu dan Cadangan Penyelesaian. Mohamad Afandi Md Ismail, Fakulti Undang-undang, Government dan Hubungan Antarabangsa, Kolej Universiti Islam Melaka. Mohd Sabree Nasri, Fakulti Undang-undang, Government dan Hubungan Antarabangsa, Kolej Universiti Islam Melaka.
11. *GEJALA LGBT DI MALAYSIA: ISU DAN CADANGAN PENYELESAIAN*-Mohamad Afandi Md Ismail .Fakulti Undang-undang, Governan & Hubungan Antarabangsa Kolej Universiti Islam Melaka.